

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH**

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9631

SOALAN:

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapa Kerajaan kini tidak lagi berniat untuk mengekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar dari Australia memandangkan pendirian Menteri Dalam Negeri dalam bulan, Mac, 2015 bahawa rundingan proses ekstradisi tersebut dengan Kerajaan Australia akan dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, permohonan ekstradisi perlu dilihat secara menyeluruh. Ini kerana ia menyentuh dasar dan undang-undang negara lain yang rumit yang perlu dikendalikan dengan berhati-hati. Selain, usaha Kerajaan untuk membawa pulang Sirul untuk menjalani hukuman mati menyentuh isu hak asasi manusia. Mengikut triti ekstradisi, dokumen permohonan ekstradisi perlu dinyatakan hukuman yang akan dikenakan ke atas penjenayah tersebut iaitu hukuman mati yang telah dijatuhkan Mahkamah Persekutuan. Walau bagaimanapun, Australia salah satu negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati dan tidak diterima oleh masyarakat di sana. Atas dasar itu, kerajaan masih lagi mengkaji kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]**

TARIKH : 15.3.2017 (RABU)

SOALAN : 41

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah wajar MARA dan Perlaburan Mara Bhd. serta UniKI membuat penajaan kepada skuad bola sepak Kelantan (The Red Warriors) dan apakah peraturan-peraturan yang membolehkan penajaan tersebut; dan
- (b) apakah pulangan yang menguntungkan diperoleh MARA, Perlaburan Mara Bhd. serta UniKI daripada penajaan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, Pelaburan MARA Berhad (PMB) adalah sebuah anak syarikat MARA yang berorientasikan komersial dan berasaskan keuntungan. Penajaan pasukan bola sepak merupakan salah satu strategi pemasaran syarikat bagi meningkatkan promosi jenama syarikat melalui media elektronik, cetak dan atas talian untuk menggalakkan pelanggan berpotensi melabur melalui PMB.

PMB telah menunjukkan prestasi perniagaan yang memberangsangkan pada tahun 2016. Melalui PMB Investment yang menjalankan perniagaan unit amanah, jumlah jualan unit amanah meningkat sebanyak RM145 juta (15.6%) untuk tahun 2016. Selain daripada itu, jumlah perunding unit amanah telah meningkat sebanyak 27% pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015.

UniKL merupakan antara anak syarikat di bawah MARA yang menyediakan laluan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), UniKL sememangnya mempunyai bajet operasi khusus bagi tujuan aktiviti promosi untuk melonjakkan lagi imej korporatnya di samping melebarluaskan aktiviti pemasaran yang menyeluruh. UniKL turut memfokuskan kepada usaha-usaha penjenamaan yang dekat dengan hati kumpulan sasaran iaitu golongan belia. Antaranya dengan mengukuhkan

jenama UniKL melalui strategi penajaan di media cetak dan elektronik serta penajaan dalam sukan.

Hasil daripada pelaksanaan strategi ini, UniKL berjaya meningkatkan imej dan jenama UniKL sebagai institusi TVET terulung negara. Perangkaan menunjukkan terdapat pertambahan pelajar ke UniKL selepas pelbagai aktiviti promosi dijalankan. Ini dapat dilihat pada tahun 2013 dengan jumlah kemasukan pelajar ke UniKL adalah seramai 22,911 orang. Manakala bagi tahun 2014, kemasukan pelajar bertambah kepada 26,265 orang dan terus meningkat kepada 28,109 orang pada tahun 2015.

Urusan pemberian pinjaman pelajaran MARA kepada pelajar IPMa diuruskan sepenuhnya oleh MARA menggunakan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan.